IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88927977
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my
bkkjbpm@bomba.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/BKK: 700-5/1 Jld 3 (3)
Tarikh : 24 Disember 2021

**SENARAI EDARAN**

YS Dato'/Tuan,

**PEMAKLUMAN BERKAITAN PENJUALAN LPG (DALAM SANGKAR) DI STESEN PETRONAS**

Merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YS Dato'/Tuan, jabatan telah menerima permohonan daripada pihak Petronas Dagangan Berhad (PDB) berkaitan penjualan LPG dalam sangkar di stesen-stesen minyak petronas yang terpilih. Penambahan sangkar ini menyebabkan perubahan atau pindaan kepada pelan asal tetapi ianya tidak melibatkan perubahan struktur kepada bangunan asal.

3. Sehubungan itu, jabatan telah mengemukan surat memohon penjelasan berkaitan tafsiran bagi "pindaan" daripada pihak Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) berkaitan perkara ini. Bersama-sama ini disertakan surat maklumbalas bil. JKT.T.800-3/1/4/1/2 bertarikh 16 Disember 2021 daripada pihak JKT berikaitan perkara ini untuk makluman dan tindakan YS Dato'/Tuan selanjutnya.

4. Kerjasama daripada pihak YS Dato'/tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Ts. AHMAD IZRAM BIN OSMAN)**
Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
AIO/pelesenan

1) YAS Ketua Pengarah

2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

3) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**SENARAI EDARAN**

1. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Kuala Lumpur
2. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
3. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
4. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang
5. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah
6. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak
7. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
8. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah
9. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak
10. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan
11. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
12. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Negeri Sembilan
13. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka
14. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri W.P Putrajaya
15. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri W.P Labuan
16. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis

4. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI NOOR-IHSAN BIN HAJI CHE MAT)**

**Salinan kepada :**

i. TKP (T)/JKT
ii. P (KM)/JKT

**KETUA PENGARAH**
**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN**
**KEMENTERIAN [redacted], PERUMAHAN DAN**
**KERAJAAN TEMPATAN**
Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8891 5000
Faks : 603-8891 3090
Web mel : http://jkt.kpkt.gov.my

Rujukan Kami : JKT.T.800-3/1/4/1/2 ( 3 )
Tarikh : 16 Disember 2021

DI TERIMA
2279
23 DEC 2021
BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN, JBPM PUTRAJAYA

Ts. Ahmad Izram Bin Osman
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7
**62250 PUTRAJAYA.**

Tuan,

**PERMOHONAN PENJELASAN BAGI TAFSIRAN "PINDAAN" PADA PELAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas dan dan surat tuan Rujukan:JBPM/IP/BKK:700-5/1 Jld 2 (68) bertarikh 30 November 2021 adalah berkaitan.

2. Tafsiran pindaan adalah merujuk kepada UUK 14, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984), pelan-pelan bagi perubahan yang dikemukakan bagi membuat tambahan atau perubahan kepada sesuatu bangunan, termasuklah memecah bahagi bilik-bilik, bahagian-bahagian bangunan itu atau bahagian yang hendak dimusnahkan.

3. Merujuk kepada penambahan sangkar bagi penjualan LPG ini, Jabatan berpendapat memadai dengan permohonan permit sementara kepada Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada UUK 19, perenggan (2) UKBS 1984 kerana ia bukan merupakan satu struktur yang kekal. Justeru itu, ia tidak perlu mengemukakan semula pelan bagi tujuan perakuan.